

Penciptaan Kekayaan dan Penguasaan Korporat Bumiputera

Kongres Ekonomi Bumiputera 2024

**Tan Sri Abdul Wahid Omar,
Pengerusi Kumpulan
Penciptaan Kekayaan dan Pemilikan Korporat Bumiputera**

Terima kasih atas kepercayaan kepada Bursa Malaysia, Ekuinas & UDA mengendalikan kelompok Penciptaan Kekayaan & Penguasaan Korporat



>400
 telah terlibat dalam pelbagai sesi perbincangan dan libat urus

>300
 peserta telah hadir ke Sesi Libat Urus pada 30 Jan 2024


19
 Libat Urus bersama pemegang taruh utama dari GLICs dan Persatuan

Penciptaan Kekayaan adalah hasil di hujung rantai nilai yang mempunyai 4 komponen penting

Komponen Utama Mewujudkan Kekayaan

Titik Sentuhan Utama

- Penciptaan kekayaan merangkumi pelbagai faktor utama, termasuk pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan simpanan / pelaburan.



Sub – Komponen


- Komponen berfungsi sebagai jurang (*Gaps*) dan pemboleh (*Enabler*) memudahkan kemajuan individu pada setiap peringkat perjalanan mereka.

Penciptaan kekayaan (*Wealth Creation*) merupakan hasil daripada 4 komponen penting dalam rantai nilai (*Value Chain*)

Setelah enam dekad dasar pemerksaan Bumiputera, terdapat beberapa pencapaian baik terutama dalam peningkatan golongan profesional Bumiputera

Jumlah Profesional mengikut etnik, 2023 (%)


■ Bukan Bumiputera ■ Bumiputera



Walaupun bagaimanapun, pencapaian Bumiputera dari segi pendapatan dan upah masih amat rendah

Pendapatan isirumah median Bumiputera 29% lebih rendah berbanding isirumah Cina


Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut etnik, 1989-2022



Nota: Pendapatan Isi Rumah Median Malaysia pada tahun 2022 adalah RM6,338

Upah Median pekerja formal Bumiputera terkini (September 2023) adalah 45% lebih rendah berbanding median upah Cina

Upah Median Perkerja Formal Mengikut Etnik, September 2023




Bumiputera terlibat dalam hanya 37% daripada transaksi hartanah kediaman, 13% hartanah perniagaan, dan 6% hartanah industri

Transaksi Aset Bukan Kewangan Bumiputera masih Terhad (kediaman, komersial, perindustrian)

Transaksi Aset Bukan Kewangan – Pasaran Utama & Menengah 2018


Nilai Transaksi
RM (mil)



| Kumpulan Etnik | % daripada Jumlah Transaksi |
|----------------|-----------------------------|
| Bumi | 33% |
| Bukan Bumi | 67% |


Kadar pemilikan ekuiti bagi saham tersenarai dan tidak tersenarai juga masih rendah, di bawah sasaran

Pemilikan Ekuiti Bumiputera (%), 2011-2020




Penguasaan korporat di kalangan syarikat tersenarai awam juga masih rendah

Syarikat Tersenarai Awam yang dikawal* oleh Bumiputera, 2022



Akaun CDS mengikut Kaum (juta unit) – 2018 hingga 2023



CDS = Central Depository System


Sumber: Bursa Malaysia Berhad, berdasarkan pecahan nilai pasaran keseluruhan (2022: RM 1.7 Trillion), Lain – Lain termasuk bukan bumiputera dan warga asing

1. Data yang dikumpul adalah berdasarkan pegangan saham mengikut jenis data Pelabur daripada Pulangan Separa Tahunan yang dikemukakan oleh Syarikat Tersenarai Awam pada 31 Disember 2022. Tidak termasuk pasaran LEAP kerana syarikat LEAP tidak perlu mengemukakan Pulangan Separa Tahunan
2. * Mempunyai komposisi pegangan bumiputera lebih daripada 50%

Penglibatan Bumiputera dalam pasaran modal juga adalah amat rendah

Penglibatan Bumiputera Di Dalam Bidang Kewangan Profesional, Januari 2024

■ Bumiputera ■ Bukan Bumiputera ■ Warga Asing




Yang lebih membimbangkan, hanya 1 syarikat Bumiputera daripada 97 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia sejak 3 tahun yang lepas

Jumlah IPO di Bursa Malaysia (2021 – 2023) – 97 Syarikat

■ Main ■ ACE ■ LEAP

1 syarikat bumiputera melalui IPO di pasaran ACE



Hanya 1 daripada 97

syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dalam masa 3 tahun lepas adalah majoriti milik bumiputera

Betamek makes robust debut on ACE Market, closing at 42% premium

By Shazni Ong / theedgemarkets.com


26 Oct 2022, 06:23 pm



Betamek Electronics (M) Sdn Bhd:

- Ditubuhkan pada 1989
- Syarikat pembuat sistem audio kereta.
- Syarikat ini memasuki pasaran Malaysia pada 1994 sebagai pembekal sistem audio untuk model Kancil PERODUA.

Punca utama kegagalan adalah kerana pendekatan hanya berfokus kepada sektor awam yang menyumbang hanya 17.6% kepada KDNK berbanding swasta 75.5%



| KDNK Sebenar | Pecahan, % |
|---|------------|
| Permintaan Domestik (Swasta + Awam) | 93.1 |
| Sektor Swasta | 75.5 |
| Penggunaan | 60.2 |
| Pelaburan | 15.3 |
| Sektor Awam | 17.6 |
| Penggunaan | 13.2 |
| Pelaburan | 4.4 |
| Eksport Barangan Bersih dan Perkhidmatan (Net Export) | 5.5 |
| Tukar stok, RM bil. | 1.4 |
| KDNK Sebenar | 100.0 |

Pelaksanaan dasar pemerksaan Bumiputera perlu mengambil pendekatan yang lebih universal

Ia juga perlu dikuatkuasakan terhadap syarikat-syarikat yang mendapat manfaat kontrak atau konsesi daripada Kerajaan, GLIC dan GLC serta syarikat-syarikat swasta yang lain



Penekanan dasar Bumiputera dalam konteks matlamat Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

Inklusif bermakna tiada golongan yang ketinggalan (LNOB). Universal Approach*



Dasar Bumiputera dikuatkuasakan kepada sektor swasta

terutamanya kepada syarikat yang mendapat kontrak/ konsesi daripada Kerajaan.



Pelaksanaan perlu berdasarkan keperluan dan kelayakan

(needs and merit based)



Timbang keperluan memperkenalkan **Akta Peluang Saksama (Equitable Opportunity Act)**

untuk memastikan semua rakyat diberi peluang untuk mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan yang saksama

Pendekatan universal yang dimaksudkan adalah penerapan konsep Kelestarian (ESG) yang termasuk elemen 'Social Equity'


Penekanan Konsep Kelestarian (ESG) Kesaksamaan Sosial (Social Equity)

Semua syarikat dikehendaki melaporkan kepelbagaian Lembaga Pengarah, Pengurusan dan eksekutif


Contoh Pelaporan:



Jantina



Etnik




Generasi

Memberi laporan representasi tiga kategori di bahagian korporat

Syarikat Tersenarai Awam **dikehendaki** memberikan pendedahan mengenai jantina, etnik dan generasi sebagai sebahagian daripada pelaporan kemampuan mereka, dan bukannya pendedahan sukarela

Pelaksanaan dasar perlu berdasarkan keperluan

Contoh:
Sektor Perumahan



Diskaun Bumi untuk harga rumah melebihi > RM 1 Juta

Disalurkan kepada Tabung Rumah Mampu Milik

Pemberian diskaun kepada Bumiputera untuk pembelian hartanah melebihi RM1 juta sebagai contoh, ditukar dimana diskaun tersebut boleh disumbangkan kepada tabung rumah mampu milik dan bukan diberikan kepada pembeli yang tidak memerlukan.

Pengenalan Dasar Peluang Saksama, Penguatkuasaan Akta dan Pelaksanaan

Sekiranya penguatkuasaan dasar pemeraksanaan ekonomi Bumiputera kepada sektor swasta tidak efektif, mungkin ia memerlukan penguatkuasaan melalui penggubalan sebuah Akta:



Akta Peluang Saksama (*Equitable Opportunity Act*)

Suruhanjaya Pemantau Pelaksanaan Akta

Mereka yang merasakan diri mereka ditindas atau tidak mendapat peluang perniagaan atau pekerjaan yang saksama boleh mengadu kepada pihak berkuasa supaya tindakan boleh diambil ke atas syarikat terbabit

Pelbagai cadangan telah diutarakan dalam Sesi Libat Urus pada 30 Januari dan pelbagai sesi lain

Tema:

Inisiatif:



1

Dasar Yang Lebih Progresif

1. Menambahbaik dasar berkenaan *Bumiputera Equity Requirement* (BER) – Proses Penyenaiaan (IPO)
2. Mengembangkan potensi Wakaf Hartanah di Malaysia melalui penggunaan konsep *Istidbal* dan penyeragaman pemajuan tanah.



2

Meningkatkan Dana


3. Meningkatkan akses kepada pembiayaan / dana menggunakan pendekatan alternatif
4. Penubuhan Dana Perumahan Negara "*National Housing Fund*" bagi rumah mampu milik
5. Meningkatkan Pelaburan di dalam sektor Hartanah melalui model REIT
6. Peluasan model pembiayaan hartanah melalui kerjasama strategik bersama pihak bank yang menyokong agenda bumiputera
7. Integrasi Wakaf dan Kewangan Islam bagi memperkasakan wakaf sebagai instrumen ekonomi



3

Keupayaan dan Kebolehan

8. Insentif cukai bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan PKS
9. Memperkasakan inisiatif keusahawanan dan penciptaan kekayaan Bumiputera
10. Memartabatkan sosioekonomi bumiputera, dengan memanfaatkan potensi aset Wakaf
11. Meningkatkan penggunaan Tanah Rizab Melayu untuk sosio ekonomi (Penerusan inisiatif Kerajaan)



4

Sasaran yang lebih telus

12. Menetapkan sasaran tambahan sebagai penanda aras selain daripada 30% pemilikan ekuiti untuk mengukur penciptaan kekayaan Bumiputera



5

Data Analitik

13. Menambahbaik Kajian Keselanjutan Keperluan Perumahan (Housing Needs Continuum)


Banyak daripada cadangan/ inisiatif adalah merupakan inisiatif peringkat Nasional

Inisiatif:



Memperkenalkan Dasar Peluang Saksama
“*Equitable Opportunity Policy*”

1



Enam Inisiatif Peringkat Nasional

Inisiatif:

“*Mandatory Disclosure*” mengenai pecahan etnik dalam aspek 'Diversity, Equity, and Inclusion' (DEI)

4



Pembangunan modal insan yang menyeluruh seperti
“*Penguasaan Bahasa Inggeris & Bahasa Ketiga*”

2

Meningkatkan dana wakaf tunai dengan skala besar dan disalurkan untuk pembangunan sosioekonomi

5



Tabung Pemangkin
“*Catalyst Fund*” untuk meningkatkan prestasi korporat di Malaysia

3


Penubuhan satu pangkalan data bersepadu bagi pemilikan aset oleh bumiputera

6




Ini termasuklah meningkatkan peruntukan yang lebih besar/saksama kepada negeri-negeri yang terbelakang dalam pembangunan ekonomi

KDNK Per Kapita (2022), RM



Peruntukan Persekutuan (2022), RM Juta



Terima Kasih



Lampiran

Banyak daripada cadangan/ inisiatif adalah merupakan inisiatif peringkat Nasional

| # | Cadangan | Rasional / Rumusan | Tema |
|---|---|---|---|
| 1 | Memperkenalkan Dasar Peluang Saksama (<i>Equitable Opportunity Policy</i>) | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Terdapat keperluan untuk melaksanakan dasar kesaksamaan yang komprehensif, yang bertujuan untuk mengatasi dan mengurangkan jurang ekonomi di Malaysia secara berkesan. Dasar ini harus berfungsi sebagai panduan utama bagi entiti sektor awam dan swasta dalam menerapkan amalan terbaik yang memastikan pengagihan kekayaan, peluang, dan sumber secara adil dan saksama di seluruh negara. | Dasar yang lebih progresif |
| 2 | Pendekatan yang menyeluruh untuk meningkatkan kekayaan melalui pembangunan pekerja dan modal insan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat profesional | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Satu pendekatan yang menyeluruh diperlukan untuk meningkatkan kekayaan melalui pembangunan pekerja dan modal insan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat profesional. Ini termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Cara pembelajaran baru untuk subjek seperti sains dan teknologi ➢ Penguasaan Bahasa Inggeris & Bahasa Ketiga ➢ Program professional untuk sektor kewangan dan pasaran modal | Meningkatkan keupayaan dan kebolehan |
| 3 | Memperkenalkan Tabung Pemangkin (<i>Catalyst Fund</i>) untuk meningkatkan prestasi korporat di Malaysia, terutamanya syarikat bumiputera | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memacu syarikat tersenarai awam untuk meningkatkan prestasi korporat dan daya tarikan, khususnya bagi syarikat dengan pegangan Bumiputera yang signifikan. ▪ Dana pemangkin bertindak sebagai 'aktivis', dengan tujuan utama untuk meningkatkan prestasi korporat serta mengintegrasikan elemen ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) dan DEI ("Kepelbagaian, Ekuiti dan Inklusi) dalam operasi syarikat yang dilaburkan. | Meningkatkan dana |
| 4 | Memperkenalkan pendedahan mandatori (<i>Mandatory Disclosure</i>) mengenai etnik untuk komposisi lembaga dan pengurusan atasan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat tersenarai awam digalakkan untuk menyediakan maklumat tentang komposisi pekerja mengikut etnik sebagai data tambahan dalam aspek DEI. Ini merupakan langkah awal yang penting dalam menonjolkan dan mengintegrasikan elemen DEI dalam operasi syarikat-syarikat Tersenarai Awam. | Dasar yang lebih progresif |

Banyak daripada cadangan/ inisiatif adalah merupakan inisiatif Nasional

| # | Cadangan | Rasional / Rumusan | Tema |
|---|--|--|---|
| 5 | Meningkatkan dana wakaf tunai dengan skala besar melalui skim potongan gaji dan sumbangan korporat | <ul style="list-style-type: none"> Perlu adanya kemudahan alternatif bagi rakyat Malaysia untuk terlibat dalam <i>Ibadah Maliyah</i> seperti wakaf mengikut kemampuan individu tanpa perlu melibatkan harta atau aset tetap. Penting untuk meningkatkan jumlah pegangan aset rakyat Malaysia melalui pengumpulan dana tunai yang kemudiannya disalurkan untuk tujuan keagamaan dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat, memperkukuhkan asas ekonomi umat. | Meningkatkan dana |
| 6 | Penubuhan satu pangkalan data bersepadu bagi pemilikan aset (hartanah) | <ul style="list-style-type: none"> Ketiadaan pangkalan data mengenai pemilikan hartanah di Malaysia disebabkan oleh beberapa cabaran, termasuk data pemilikan yang tidak lengkap, sistem pengumpulan data yang berbeza, dan tadbir urus data yang belum mencapai tahap optimal. Penting untuk mengintegrasikan semua sistem pengumpulan data, menerapkan analitik data yang lebih maju, dan memastikan ketepatan data. Langkah-langkah ini kritikal untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengambilan keputusan dan pembentukan dasar kerajaan, dengan tujuan akhir memastikan objektif pemilikan hartanah oleh Bumiputera dapat tercapai. | Data analitik yang lebih strategik |

Pelbagai cadangan telah diutarakan dalam SLU pada 30 Januari dan pelbagai sesi lain (1/3)

| # | Cadangan | Rasional / Rumusan | Tema |
|----|---|--|---|
| 7 | Menambahbaik dasar berkenaan <i>Bumiputera Equity Requirement</i> (BER) – Proses Penyenaraian (IPO) | <ul style="list-style-type: none"> Bagi sesetengah syarikat di Pasaran ACE, BER boleh dipatuhi selepas penyenaraian apabila memenuhi syarat tertentu. Ini telah menghalang dan mengecewakan pelabur Bumiputera yang dikenal pasti oleh MITI daripada melanggan saham. Jika saham tidak diambil di bawah alokasi MITI, tiada realokasi saham yang perlu dilakukan dan syarikat akan dianggap telah mematuhi BER. Oleh itu, penyertaan Bumiputera dalam syarikat itu kurang. | Dasar yang lebih progresif |
| 8 | Menetapkan sasaran tambahan sebagai penanda aras selain daripada 30% pemilikan ekuiti untuk mengukur penciptaan kekayaan Bumiputera | <ul style="list-style-type: none"> Sasaran 30% masih belum tercapai setelah lebih 6 dekad dan sehingga tahun 2022, pemilikan ekuiti bumiputera adalah pada tahap 18.4%. Sasaran tambahan sebagai penanda aras yang lebih telus dan yang mempunyai impak yang ketara | Sasaran yang lebih telus |
| 9 | Insentif cukai bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan PKS | <ul style="list-style-type: none"> Perlunya sokongan dan bantuan dari pihak Kerajaan dalam menggiatkan aktiviti penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam kalangan PKS di Malaysia. Sebagai langkah fasilitatif, kerajaan boleh mengenakan polisi seperti: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Kredit cukai bagi aktiviti R&D dalam pembuatan IP tempatan ➢ Insentif cukai bagi pengagihan kos gaji tetap pekerja R&D ➢ Insentif cukai bagi kos pembinaan ruang kerja dan penggunaan infrastruktur awam | Meningkatkan keupayaan dan kebolehan |
| 10 | Memperkasakan inisiatif keusahawanan dan penciptaan kekayaan Bumiputera | <ul style="list-style-type: none"> Kebanyakan bumiputera PKS di negara terlibat dalam industri yang terhad (<i>non scalable</i>) dan kurang nilai strategik. Perlunya pemerkasaan inisiatif keusahawanan untuk membantu syarikat bumiputera yang berpotensi tinggi melalui program seperti Vendor Development Program, dan juga sokongan oleh pihak GLIC dan GLC. Program pementoran usahawan oleh hartawan perniagaan | Meningkatkan keupayaan dan kebolehan |
| 11 | Meningkatkan akses kepada pembiayaan / dana menggunakan pendekatan alternatif | <ul style="list-style-type: none"> Bangunkan lebih banyak firma butik PE Bumiputera Penggunaan platform pembiayaan alternatif Menambahbaik proses agihan geran | Meningkatkan dana |

Pelbagai cadangan telah diutarakan dalam SLU pada 30 Januari dan pelbagai sesi lain (2/3)

| # | Cadangan | Rasional / Rumusan | Tema |
|----|--|--|-----------------------------------|
| 12 | Penubuhan Dana Perumahan Negara “ <i>National Housing Fund</i> ” bagi rumah mampu milik | <p>Perlunya dasar yang lebih inklusif di mana dasar-dasar seperti (sebagai contoh) pemberian diskaun kepada Bumiputera untuk pembelian hartanah melebihi RM1 juta, perlu ditukar dimana diskaun tersebut boleh disumbangkan kepada tabung rumah mampu milik dan bukan diberikan kepada pembeli yang tidak memerlukan.</p> <p>Dana ini bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah pertama mereka. | Meningkatkan dana |
| 13 | Meningkatkan Pelaburan di dalam sektor Hartanah melalui model REIT | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sektor hartanah merupakan salah satu sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara, terutamanya dalam aspek pembangunan, pekerjaan dan pendapatan. ▪ Sektor hartanah juga dapat memberikan manfaat sosial kepada rakyat, seperti menyediakan perumahan yang berkualiti, meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan sosial. | Meningkatkan dana |
| 14 | Peluasan model pembiayaan hartanah melalui kerjasama strategik bersama pihak bank yang menyokong agenda bumiputera | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Model pembiayaan hartanah yang sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang meningkat daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. ▪ Peluasan model pembiayaan hartanah dapat memberikan peluang kepada golongan tersebut untuk memiliki rumah dengan syarat dan kadar yang lebih fleksibel dan berpatutan. | Meningkatkan dana |
| 15 | Mengembangkan potensi Wakaf Hartanah di Malaysia melalui penggunaan konsep Istdibal dan penyeragaman pemajuan tanah. | <p>Hartanah wakaf yang kurang dimanfaatkan serta fatwa berlainan mengikut negeri meminimalkan potensi pembangunan. Beberapa potensi penambahbaikan dapat dilaksanakan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggubalan akta baharu tanah wakaf untuk menyeragamkan proses, peraturan dan piawaian pemajuan tanah wakaf ▪ Hasilkan garis panduan yang memastikan pemajuan mengikut prinsip-prinsip syariah, undang-undang dan etika. | Dasar yang lebih progresif |

Pelbagai cadangan telah diutarakan dalam SLU pada 30 Januari dan pelbagai sesi lain (3/3)

| # | Cadangan | Rasional / Rumusan | Tema |
|----|---|--|---|
| 16 | Integrasi Wakaf dan Kewangan Islam bagi memperkasakan wakaf sebagai instrumen ekonomi | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesedaran dan pendidikan mengenai wakaf masih belum mencukupi, begitu juga dengan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf. Sokongan dari entiti-entiti Kerajaan (GLICs) terhadap inisiatif atau projek wakaf sebagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) juga masih perlu ditingkatkan. ▪ Selain itu, terdapat kekurangan dalam ekosistem pembiayaan yang komprehensif dan menyeluruh untuk pembangunan dan penyelenggaraan aset-aset wakaf, yang memerlukan perhatian dan penyelesaian yang holistik. | Meningkatkan dana |
| 17 | Memartabatkan sosioekonomi bumiputera, dengan memanfaatkan potensi aset Wakaf | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Potensi Wakaf dapat digunakan dan dikembangkan untuk memartabatkan sosioekonomi bumiputera melalui saluran bantuan ke-dalam sistem Kesihatan negara dan juga Pendidikan (Scholarship) | Meningkatkan keupayaan dan kebolehan |
| 18 | Meningkatkan penggunaan Tanah Rizab Melayu (TRM) untuk sosio ekonomi (Penerusan inisiatif Kerajaan) | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) masih jauh di bawah sasaran 50% yang ditetapkan dan isu ini diparahkan lagi dengan pengambilan TRM untuk kemudahan awam tanpa penggantian segera oleh pihak kerajaan dengan tanah lain yang setara baik dari segi nilai mahupun jenis. ▪ Perlunya tidakan untuk menghentikan penyusutan ini dan memastikan pemulihan serta pemeliharaan TRM sebagai aset penting melalui pembangunan ekonomi masyarakat Melayu seperti pertanian, perusahaan kecil dan sederhana, atau projek perumahan | Meningkatkan keupayaan dan kebolehan |
| 19 | Menambahbaik Kajian Keselanjutan Keperluan Perumahan (<i>Housing Needs Continuum</i>) | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perlunya kajian mendalam untuk menyelesaikan isu kritikal seperti “<i>supply and demand mismatch</i>”, di mana perumahan yang dimajukan tidak mengambi keperluan khusus rakyat terhadap spesifikasi perumahan (akses, harga, keluasan) | Data analitik yang lebih strategik |